

**PEJABAT BENDAHARI**

Tel : +606 331 6110 | Faks : +606 331 6296

Emel: [pejabatbendahari@utem.edu.my](mailto:pejabatbendahari@utem.edu.my)

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 5 ( 2 )

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

14 Ramadhan 1436 H  
| Julai 2015

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2015**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السلام عليكم ورحمة الله

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan

**POLISI PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai Polisi Penjanaan Pendapatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Dalam usaha untuk meningkatkan hasil dan mengurangkan kebergantungan kepada dana Kerajaan, kepelbagaian sumber perlulah dipergiatkan bagi mendapatkan sumber dana tambahan. Strategi ini hendaklah diperkasakan dengan sokongan Pusat Tanggungjawab (PTj) yang perlu turut sama membantu meningkatkan sumber kewangan Universiti.

- 2.2 Aktiviti yang dapat menjana pendapatan dalaman Universiti daripada pelbagai aspek hendaklah diberi tumpuan namun tidak terhad kepada aktiviti penyelidikan, pengkomersilan dan perundingan serta aktiviti yang dilaksanakan anak syarikat Universiti.
- 2.3 Sebagai sebuah Universiti yang telah mendapat kuasa autonomi dalam empat bidang iaitu Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar, maka aktiviti untuk meningkatkan penjanaaan pendapatan Universiti sebaiknya hendaklah dipertingkatkan lagi.
- 2.4 Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) yang menerangkan antaranya:
  - 2.4.1 PPPM (PT) dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar dari segi sistem yang turut melibatkan peranan Kementerian yang secara khusus bertujuan antaranya untuk memastikan kemampuan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi dengan mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan dan memastikan semua pihak berkepentingan turut memberi sumbangan; dan
  - 2.4.2 di bawah Lonjakan ke-5 Kemampuan Kewangan, Universiti Awam dan swasta akan mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan, lebih berhemat dan inovatif dalam penggunaan sumber dan Kerajaan akan memberikan insentif kepada penubuhan tabung endowmen dan waqaf, selain menggalakkan sumbangan kepada pendidikan tinggi.
- 2.5 Lima aktiviti utama penjanaaan pendapatan Universiti yang berpotensi untuk dikembangkan dan dipergiatkan sebagai produk Universiti ialah:
  - 2.5.1 Latihan Akademik Dan Teknikal (Eksekutif Dan Profesional);
  - 2.5.2 Perkhidmatan Pengurusan Aset Dan Kemudahan Universiti Serta Pengurusan Ladang;

- 2.5.3 Perundingan, Pengkomersilan Produk Penyelidikan Dan Penyelidikan Kontrak;
  - 2.5.4 Endowmen; dan
  - 2.5.5 Jualan/*Business Online*, Pascasiswazah, Faedah Dari Pelaburan Dan Pinjaman dan Aktiviti-Aktiviti Lain.
- 2.6 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2/2015 telah memperakukan Polisi Penjanaaan Pendapatan dan seterusnya Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2015 telah bersetuju meluluskan polisi ini.

### 3.0 TUJUAN POLISI PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI

- 3.1 Tujuan utama penyediaan Polisi Penjanaaan Pendapatan adalah:
- 3.1.1 Menjadi dokumen rujukan bagi melaksanakan aktiviti penjanaaan pendapatan di UTeM;
  - 3.1.2 Mengenalpasti pelbagai sumber penjanaaan pendapatan yang boleh membantu meningkatkan hasil Universiti;
  - 3.1.3 Memperkasakan aktiviti-aktiviti penjanaaan pendapatan sedia ada melalui prosedur yang jelas dan proses pelaksanaan yang cekap; dan
  - 3.1.4 Menjana idea serta cadangan baru bagi aktiviti atau sumber yang dapat mempertingkatkan lagi penjanaaan sumber dalaman UTeM.
- 3.2 Polisi Penjanaaan Pendapatan ini menerangkan latar belakang dan tujuan penjanaaan pendapatan dipergiatkan, definisi dan sumber/punca kuasa dan skop dan aktiviti penjanaaan pendapatan.
- 3.3 Polisi Penjanaaan Pendapatan Universiti adalah seperti di **Lampiran 1**.

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 5 ( 2 )

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Semua PTJ adalah tertakluk kepada surat pekeliling ini.

4.2 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

#### **"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"**

Yang benar,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

☎ Tel : 5552014

s.k YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib  
Naib Canselor

YBhg. Prof. Dr. Razali bin Muhamad  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

YBhg. Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

YBhg. Datuk Prof. Dr Zolkepli bin Buang  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)